MAHATHIR - KOMEN

1977

KUALA LUMPUR, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA ADALAH TERLALU AWAL UNTUK MEMBUAT SEBARANG KOMEN TERHADAP PERKEMBANGAN KEADAAN DI KELANTAN HARI INI DIMANA DATUK HAJI MOHAMED NASIR TELAH DILUCUTKAN JAWATANNYA SEBAGAI MENTERI BESAR.

+KITA TERPAKSA MENGKAJI PEKARA PERKARA ITU DAHULU+ TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI MALAM INI.

KATANYA, SATU KENYATAAN BERHUBUNG PERKARA ITU MUNGKIN AKAN DIKELUARKAN SELEPAS PERTEMUAN ANTARA DATUK HUSSEIN ONN DAN DATUK HAJI MOHAMED DI SINI ESOK.

APABILA DIMINTA MENGULAS TINDAKAN 13 ORANG ANGGOTA UMNO YANG KELUAR DARI SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI ITU KETIKA UNDIAN SEDANG DIBUAT, BELIAU BERKATA, +MUNGKIN MEREKA BERBUAT DEMIKIAN KERANA MEREKA TIDAK DIBERI PELUANG YANG CUKUP UNTUK BERUCAP.+ -- BERSAMBUNG 2242/ZCM

MAHATHIR - LIMEN 2 KUALA LUMPUR

YANG DI PERTUA PARTI PAS DATUK HAJI MOHAMED ASRI HAJI MUDA BERKATA, BELIAU BERPUASHATI DENGAN KEPUTUSAN SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN YANG TELAH BERJAYA DALAM USUL UNDI TIDAK PERCAYANYA TERHADAP MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMED NASIR.

KATANYA, +KEPUTUSAN ITU IALAH KEHENDAK PARTI DAN ORANGRAMAI.+

BELIAU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PARA ANGGOTA DEWAN ITU DARI PAS DAN JUGA KEPADA BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KELANTAN ATAS KEJAYAAN ITU.

DATUK ASRI MENAMBAH BAHAWA, BELUM MENERIMA LAPURAN PENUH DARIPADA NEGERI KELANTAN KERANA BARU PULANG DARI LAWATAN BERSAMA DATUK HUSSEIN ONN KE JENGKA. -- BERNAMA 2243/ZCM